

AKTA PEMBAHAGIAN 1958

Sejarah dan Latarbelakang

Tujuan makalah ini adalah untuk mendalami Akta Pembahagian 1958 yang mengatur pembahagian harta pesaka seseorang bukan Islam yang berdomisil di Semenanjung Malaysia dan meninggal dunia tak berwasiat.¹

Malaysia mempunyai pelbagai undang-undang yang mengawasi pembahagian harta pesaka tak berwasiat. Akta Pembahagian 1958 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Di Sabah pembahagian harta pesaka seseorang bukan Islam dan seseorang yang bukan penduduk asli yang telah meninggal dunia tak berwasiat adalah tertakluk kepada Ordinan Perwarisan Tak Berwasiat 1960.^{1a} Di Sarawak pula tidak terdapat apa-apa statut yang mengawasi pembahagian harta pesaka tak berwasiat bagi orang-orang bukan Islam. Undang-undang persendirian dan adat simatilah yang mengatur pembahagian tersebut. Di Semenanjung Malaysia pula terdapat satu keistimewaan di dalam kes orang-orang Parsi yang berdomisil di negeri-negeri yang menjadi negeri-negeri Selat dahulu. Mereka adalah tertakluk kepada Ordinan Perwarisan Tak Berwasiat Parsi.² Tiada satu pun di antara statut yang disebutkan di atas tadi menyentuh harta pesaka orang-orang Islam. Harta pesaka orang-orang Islam adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam dan juga, jika terpakai, kepada Undang-undang Adat.³

Sebelum sistem Residen British dikenakan ke atas beberapa buah negeri Melayu di akhir abad ke 19, penduduk-penduduk bukan Islam di Semenanjung Melayu bertumpu di negeri Pulau Pinang dan Melaka. Undang-undang Inggeris telah diterima secara formal di negeri Pulau Pinang di dalam tahun 1807 dan di Melaka pada tahun 1826. Penerimaan formal ini mengikat mahkamah-mahkamah di Pulau Pinang dan Melaka agar mengenakan undang-undang Inggeris dan dengan itu harta pesaka tempatan tak berwasiat di negeri-negeri itu telah tertakluk kepada Statut Pembahagian Inggeris. Anehnya, Statut Pembahagian Inggeris itu dikenakan ke atas kedua-dua orang-orang Islam dan bukan Islam. Oleh kerana tidak terdapatnya mana-mana perundangan yang memberi kuasa kepada Mahkamah di Pulau Pinang dan Melaka agar memakai undang-undang

¹ Satu pengajian yang terdahulu dari ini ialah sebuah kertas projek yang tidak diterbitkan bertajuk "A Critical Study of the Non-Muslim Law of Intestate Distribution in West Malaysia" oleh Cik Ho Mooi Ching, ditulis sebagai satu keperluan bagi ijazah LL.B Universiti Malaya.

^{1a} Intestate Succession Ordinance 1960.

² Parsee Intestate Succession Ordinance (S.S. Cap. 54).

³ Sila lihat Datuk Profesor Ahmad Ibrahim, *The Distribution of Estates According to Shafii Law* (1976).

Islam untuk harta pesaka orang-orang Islam maka mahkamah-mahkamah itu terus menggunakan Undang-undang Inggeris untuk membahagikan harta pesaka orang-orang Islam sehingga 1924⁴ Walau bagaimanapun, mahkamah-mahkamah itu sedar akan keperluan menyesuaikan statut Inggeris itu kepada keadaan tempatan dan mereka telah mengiktirafkan keesahan sesuatu perkahwinan di antara seseorang Islam dengan beberapa orang isteri, dan kesafatarafan anak-anak yang dilahirkan oleh isteri-isteri tersebut. Hanya dalam tahun 1923 baharulah Pulau Pinang dan Melaka menguatkuasakan perundangan untuk memperuntukkan bahawa dalam kes-kes seseorang Islam yang meninggal dunia tak berwasiat selepas 1.1.1924 harta pesakanya hendaklah ditadbirkan mengikut undang-undang Islam.⁵

Di dalam kes-kes kematian tak berwasiat di kalangan kaum Cina mahkamah di Pulau Pinang dan Melaka telah begitu juga, mengenakan Statut Pembahagian Inggeris yang usang itu sehingga 1958. Sebagaimana juga dengan kes orang-orang Islam, perkahwinan poligami kaum Cina juga diiktirafkan dan kesemua balu seorang Cina yang meninggal dunia tak berwasiat telah berhak mendapat bahagian yang sama dari harta pesaka simati.⁶

Campur tangan British di negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan di suku akhir abad ke 19 telah menjadi sebagai punca untuk bertambahnya penduduk bukan Islam di negeri-negeri itu. Di negeri-negeri Melayu yang kaya dengan bijih timah seperti Perak dan Selangor penduduk pendatang bukan Islam telah bertambah dengan pesatnya sehingga tahun 1890. Kematian, yang tidak menghormati bangsa, atau ugama, menyebabkan mahkamah-mahkamah di negeri-negeri yang "dinasihatkan" oleh Residen British, terpaksa menguruskan pembahagian harta pesaka pendatang-pendatang bukan Islam yang tak berwasiat dalam masa yang singkat. Mahkamah, pada mulanya, mengenakan undang-undang persendirian tiap-tiap kaum simati. Tetapi kadang kala tidak pula dapat dipastikan dengan tepat pruntukan undang-undang persendirian sesuatu kaum. Hakim Taylor telah memberi beberapa gambaran mengenai masalah yang dihadapi di negeri Perak sebelum 1893 berkait dengan peruntukan tepat mengenai undang-undang keluarga Cina.⁷ Hakim yang arif itu telah berkata:⁸

"Pada prinsipnya tidak terdapat apa-apa kesusahan tetapi di segi amalannya terdapat kesusahan yang selalu berulang. Memang bolehlah ditentukan prinsip am adat keluarga Cina yang dihuraikan oleh penulis-penulis masyhur dan yang

⁴Sila lihat Datuk Profesor Ahmad Ibrahim, *Towards A History of Law in Malaysia and Singapore*, (1970), m.s. 35-37.

⁵*Ibid.*, m.s. 36.

⁶Kes *In the Estate of Choo Eng Chan deceased, Choo Ang Chee v. Neo Chun Neo* (atau "the Six Widows Case") (1908) 12 S.S.L.R. 120 adalah yang paling masyhur mengenai perkara ini.

⁷Dalam kes *In Re Tan Soh Sim, Deceased* (1951) 17 M.L.J. 21.

⁸*Ibid.*, di m.s. 25.

ada pada masa itu, adalah sama di seluruh negeri Cina. Tetapi apabila tiba masanya untuk menentukan sesuatu kes tertentu — misalnya mengenai perwarisan yang dipertikaikan — maka pernyataan-pernyataan am itu adalah terlalu samar-samar dan tak tentu untuk menetapkan satu *ratio decidendi*, dan sekiranya dikatakan adanya satu perubahan khusus atau tempatan maka mustahillah untuk mendapat mana-mana nas bagi perkara itu. Oleh kerana itu, dalam tahun 1893 Dewan Perundangan Negeri telah menguatkuasakan satu Perintah Dalam Majlis [Order in Council] yang dengan secara formalnya telah mengiktirafkan Undang-undang Keluarga Cina dan menetapkan peruntukan-peruntukannya yang utama”.

Dengan ini dalam tahun 1893 negeri Perak telah menguatkuasakan perundangan yang menerima Undang-undang Adat Cina bagi menadbirkan harta pesaka orang-orang Cina yang tak berwasiat.⁹ Negeri-negeri lain yang di bawah naungan British tidak pernah mengambil langkah yang formal ini tetapi pada praktiknya mereka telah mengikut prinsip-prinsip am yang terdapat di dalam perundangan negeri Perak itu. Di Negeri-negeri Melayu harta pesaka orang-orang Islam telah dari mulanya ditadbirkan mengikut Undang-undang Islam. Ini adalah berbeza dengan negeri Pulau Pinang dan Melaka. Penulis tidak dapat memperoleh apa-apa maklumat mengenai undang-undang yang dikenakan ke atas harta pesaka tak berwasiat orang-orang Hindu.

Dalam tahun 1929 Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menguatkuasakan satu Enakmen Pembahagian untuk mengaturkan ke semua harta pesaka tak berwasiat bukan Islam di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Tujuannya adalah untuk mengeneipkan Undang-undang Adat dan sebaliknya mengenalkan satu sistem undang-undang yang sama bagi menguasai pembahagian harta pesaka tak berwasiat orang-orang bukan Islam di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Selat. Statut yang baru ini adalah berasaskan Statut Pembahagian Inggeris. Semasa perbahasan mengenai Rang Undang-Undang yang baru itu, Encik Gibson, Penasihat Undang-undang kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu memberitahu Majlis Persekutuan (Federal Council)¹⁰

“Isi pokok Rang Undang-undang ini adalah mengandungi satu undang-undang yang pada hakikatnya adalah sama dengan yang wujud di Colony — iaitu Undang-undang Inggeris, yang diubah mula-mulanya dengan menghapuskan perbezaan di antara harta tanah dan harta boleh alih dan, keduanya, dengan mengiktirafkan isteri-isteri lain dari isteri pertama.”

Statut baru itu, iaitu Enakmen Pembahagian terus mengaturkan harta pesaka tak berwasiat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan selama hampir dua puluh tahun. Tidak berapa lama selepas berkuatkuasanya Enakmen tersebut di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, ia telah diterima secara formal oleh Negeri

⁹Perintah dalam Majlis No. 23 tahun 1893 (Perak).

¹⁰Prosiding Majlis Persekutuan, Isnin 17hb Jun 1929.

Johor¹¹, Kelantan¹², dan Kedah¹³. Terengganu dan Perlis tidak pernah membuat apa-apa undang-undang mengenai perkara ini. Anggapan yang boleh dibuat ialah Statut Pembahagian Inggeris yang usang itulah juga yang telah dipakai di kedua buah negeri itu.⁴

Dengan penggubalan Enakmen Pembahagian, satu undang-undang yang sama yang menguasai harta pesaka tak berwasiat orang-orang bukan Islam telah pun wujud di Semenanjung Malaysia jauh sebelum Merdeka dalam tahun 1957. Ini adalah kerana Enakmen Pembahagian yang dipakai di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah dan Kelantan adalah, pada asasnya penulisan semula akan Statut Pembahagian Inggeris yang dipakai di negeri-negeri lain, iaitu, Pulau Pinang, Melaka, Terengganu dan Perlis.

Perkembangan perlembagaan selepas Peperangan Dunia Kedua mengubah ke sebelas negeri-negeri di Malaya ke sebuah persekutuan dan oleh itu, dalam tahun 1957 penguatkuasaan satu statut tunggal mengenai pembahagian harta orang-orang bukan Islam yang boleh dipakai di seluruh negeri telah dicadangkan. Satu Rang Undang-undang Pembahagian telah dibentangkan kepada Majlis Perundangan Persekutuan pada 14.11.57 oleh Menteri Dalam Negeri dan Keadilan pada masa itu, iaitu Encik Sulaiman.¹⁵ Beliau telah berkata bahawa Rang Undang-undang yang baru itu adalah satu langkah yang dihajatkan semata-mata untuk menggabungkan dan menyamakan undang-undang yang wujud. Ianya tidak bermaksud untuk membuat apa-apa perubahan yang besar dan tidak terpakai ke atas orang-orang Islam di Malaya atau orang-orang Parsi di negeri-negeri Selat dahulu. Encik Sulaiman telah juga berkata:¹⁶

“Tiada apa-apa percubaan yang telah dibuat di dalam Rang Undang-undang ini untuk memodenkan undang-undang itu, atau untuk menyamakan dengan perubahan-perubahan baru di England. Di sana dalam masa 25 tahun yang akhir ini, terdapat kecenderongan untuk memberikan bahagian yang lebih besar dari harta seorang simati tak berwasiat kepada balunya dan satu bahagian yang kecil kepada saudara-mara simati yang lebih jauh. Satu perkembangan lagi ialah untuk memperuntukkan agar bahagian anak-anak tidak terserah kepada mereka keseluruhannya sehingga mereka mencapai umur 21 tahun, dan sekiranya mereka meninggal dunia sebelum itu maka bahagian-bahagian mereka akan beralah secara automatik dan menambahkan bahagian anak-anak yang lain. Peruntukan ini jelas mempunyai beberapa manfaat dalam memudahkan perundangan yang menyentuh tentang bahagian-bahagian anak-anak, oleh kerana di dalam undang-

¹¹Enakmen Negeri Johor No. 13 tahun 1935.

¹²Enakmen Negeri Kelantan No. 15 tahun 1930.

¹³Enakmen Negeri Kedah No. 22 tahun 1954.

¹⁴Sila lihat *Proceedings of the Federal Legislative Council* pada 14hb November 1957 di m.s. 3435.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶*Ibid.*

undang yang ada kini adalah perlu, di dalam tiap-tiap kes, memohon bagi mendapat surat kuasa untuk membahagikan bahagian anak yang mati itu di antara saudara mara yang lain mengikut kaedah pembahagian harta. Walau bagaimanapun, pertukaran sebegitu adalah jelas akan menimbulkan kontroversi dan akan memerlukan kajian yang rapi untuk menilaikan samada ianya sesuai bagi keadaan di negeri ini."

Rang Undang-undang itu telah dirujukkan kepada sebuah Jawatankuasa Khas yang telah mencadangkan beberapa perubahan. Dua daripadanya menyentuh tentang perkara-perkara yang telah dikatakan sebagai menimbulkan kontroversi oleh Encik Suleiman. Jawatankuasa Khas itu telah meminda kedudukan seseorang isteri apabila suaminya meninggal tanpa mempunyai anak. Seorang peguam, Encik S.M. Yong¹⁷ yang telah berhujah bagi pihak Jawatankuasa Khas itu telah berkata;¹⁸

"Di bawah undang-undang kita sekarang, seorang isteri yang ditinggalkan, apabila suaminya telah meninggal dunia tanpa meninggalkan zuriat ["issue"] adalah hanya berhak kepada separuh daripada harta pesaka suaminya; beliau tidak akan mendapat separuh lagi itu melainkan suaminya meninggal dunia tanpa meninggalkan mana-mana waris kadim ["next of kin"]. Tuan, memang terdapat seluruh senarai waris kadim yang termasuk datuk moyang dan yang tidak akan membolehkan isteri itu menerima separuh yang baki itu. Untuk membaiki keadaan itu, kami berpendapat bahawa adalah adil jika beliau dapat menerima selepas datuk dan nenek (simati) dan dengan itu seksyen 6, sub-seksyen (1) (iv) telah dimasukkan. Dengan perkataan lain, jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa zuriat isterinya akan mendapat separuh dan baki separuh lagi akan dibahagikan kepada ibu bapa simati. Jika ibu bapanya sudah tiada, maka ianya akan dibahagikan kepada adek beradaknya. Jika mereka juga telah mati, ianya akan dibahagi kepada datuk nenek simati. Jika datuk neneknya juga sudah tiada, maka ianya diberi kepada isteri simati. Mengikut pendapat saya, itu adalah lebih wajar daripada separuh lagi itu berpusing-pusing lagi kepada nenek moyang"

Satu lagi pemindaan yang penting ialah untuk menyekat waris kanak-kanak dari menerima satu kepentingan tertetakhak sehingga mereka mencapai umur dua puluh satu tahun.¹⁹ Sebab untuknya telah diterangkan oleh Encik S.M. Yong. Beliau berkata:²⁰

"Di bawah undang-undang kita sekarang jika seseorang lelaki meninggal dunia tak berwasiat, harta pesakanya akan, tertakluk kepada hak-hak balunya, tertetakhak sepenuhnya ke atas anak-anaknya. Di kalangan anak-anak itu mungkin ada di antara mereka yang masih kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak itu meninggal dunia, cukai harta pesaka terpaksa dibayar lagi untuk harta pesaka

¹⁷Tan Sri S.M. Yong menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dalam tahun 1965.

¹⁸Sila lihat *Proceedings of the Federal Legislative Council* pada 17hb Mac 1958 di m.s. 4416.

¹⁹Sila lihat m.s. 189-190 kepada makalah ini. Lihat juga n. 21.

²⁰*Op. cit.*, u. 18 di m.s. 4415.

kanak-kanak tersebut, walau pun bahagian mereka daripada harta pesaka bapa mereka masih belum dibahagikan lagi kepada mereka. Rang Undang-undang yang baru ini mencuba untuk menyekat ketakadilan ini. Di bawah seksyen-seksyen 6 dan 7 kepada Rang Undang-undang baru itu, bahagian mereka tidak akan terletaklah ke atas mereka melainkan dan sehingga mereka mencapai umur 21 tahun atau berkahwin di bawah umur itu. Ini adalah satu aturan undang-undang untuk menyekat waris kanak-kanak yang meninggal dunia dari keperluan membayar cukai harta pesaka kali kedua".

Pindaan oleh Jawatankuasa Khas itu diterima tanpa perbincangan, dan Rang Undang-undang Pembahagian itu telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 17hb Mac 1958. Statut yang baru itu, iaitu Ordinan Pembahagian dengan satu pindaan tunggalnya,²¹ telah terus mengaturkan harta pesaka tak berwasiat orang-orang bukan Islam di Semenanjung Malaysia sehingga kini. Dalam tahun 1983 Ordinan itu telah disemak dan digubal semula sebagai Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) tanpa sebarang perubahan dalam undang-undangnya.

Beberapa Perkara Pendahuluan

Sebelum apa-apa percubaan dibuat untuk mengkaji skim pembahagian harta yang diperuntukkan oleh Akta itu, beberapa perkara pendahuluan yang penting perlu diperhatikan.

Pertamanya, adalah penting dipastikan domisil simati kerana Akta itu memperuntukkan bahawa sesuatu harta bolehlah simati hendaklah diatur oleh undang-undang negeri di mana beliau berdomisil di masa kematiannya.²² Pembahagian harta takalah di Semenanjung Malaysia adalah dikuasai oleh Akta Pembahagian, walau di mana pun simati berdomisil di masa kematiannya.²³

Perkara kedua yang perlu diperhatikan ialah Akta itu tidak mengiktiraf anak taksahataraf²⁴ Pada amnya hanya anak sahataraf kepada simati yang boleh menerima dari harta pesakanya.²⁵ Seorang anak angkat juga tidak dikira melainkan anak tersebut telah diangkat di bawah Akta Pengangkatan Anak 1952. Bagi maksud perwarisan seseorang anak yang disahatarafkan di bawah Akta Keesahan 1961 adalah, mengikut Seksyen 6 Akta itu, berhak kepada bahagiannya dari harta pesaka ibu bapanya yang mati tak berwasiat yang telah meninggal selepas tarikh pengesahan tarafnya.

²¹ Akta Pembahagian (Pindaan) 1975 yang mengurangkan umur dua-puluh satu tahun yang disebut di dalam seksyen 7 di dalam Ordinan asal kepada lapan belas tahun.

²² Seksyen 4(1), Akta Pembahagian 1958.

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*, seksyen 3.

²⁵ Sila lihat m.s. 195-196 kepada makalah ini.

Ketiganya, Akta tersebut tidak membuat perbezaan di antara mereka yang bersaudara dengan simati melalui bapanya dan mereka yang bersaudara melalui ibunya. Ia juga tidak membezakan di antara mereka yang bersaudara seibu sebapa atau hanya sebapa atau seibu. Akta juga tidak membezakan di antara mereka yang telahpun dilahirkan semasa hayat simati dengan mereka yang hanya dalam kandungan semasa kematian simati, dan telah dilahirkan dengan selamat kemudiannya.²⁶

Keempatnya makna perkataan "issue" atau "zuriat" adalah penting difahami kerana ianya adalah satu istilah yang memainkan peranan yang penting di dalam Akta Pembahagian. Sebutan "zuriat" adalah digunakan kepada anak-anak dan keturunan anak-anak simati.²⁷ Oleh itu anak lelaki dan perempuan, cucu dan cicit seseorang itu adalah zuriatnya.

Dengan mengingati perkara-perkara pendahuluan ini kita bolehlah meneruskan dengan meneliti cara-cara pembahagian harta yang dibentangkan di dalam Akta Pembahagian 1958.²⁸

Wanita Berkahwin Meninggal Dunia Tak Berwasiat

(i) Meninggalkan Seorang Suami

Seksyen 6(1)(i) memperuntukkan bahawa "jika seseorang wanita meninggal dunia tak berwasiat dan meninggalkan seorang suami, keseluruhan dari harta pesakanya hendaklah terserah kepada suami itu." Oleh itu jika A, seorang wanita meninggal dunia dan meninggalkan seorang suami B, dan tiga orang anak C, D dan E, maka suami tersebut akan mendapat kesemua harta pesaka A. C, D dan E tidak mendapat apa-apa bahagian walaupun mereka masih remajawan dan bergantung kepada A untuk sara hidup mereka.

Peruntukan ini telah menjadi satu isu yang kerap dikritikkan oleh kerana kedudukan khas yang diberi kepada sasuami dengan tidak mempedulikan langsung anak-anak simati itu. Seperti yang akan ditunjukkan nanti, jika seseorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri dan anak-anak, isteri itu mendapat hanya satu pertiga sahaja dan anak-anaknya akan menerima dua pertiga lagi itu. Peruntukan dalam seksyen 6(1)(i) mungkin sesuai di zaman dahulu semasa kebanyakan wanita adalah hanya suri rumah dan mempunyai pendapatan yang kecil atau tidak mempunyai pendapatan langsung ataupun tidak mempunyai harta mereka sendiri. Kini ramai wanita meninggal dunia dengan aset yang lumayan. Peruntukan di dalam Akta yang memberi keseluruhan harta pesaka itu kepada suaminya adalah satu langkah yang tak wajar, terlebih-lebih lagi jika terdapat pula anak-anak yang masih kecil.

²⁶ Akta Pembahagian 1958, seksyen 5.

²⁷ *Ibid.*, seksyen 3.

²⁸ Cara yang biasa ialah membincangkan perkara ini di bawah tiga tajuk iaitu *hak-hak suami isteri*, *hak-hak zuriat*, dan *hak-hak waris lain*. Jelaslah dari perbincangan berikut, kami telah beralah dari susunan ini dan telah membuat klasifikasi kami sendiri.

Perlu dinyatakan di sini bahawa di dalam kes-kes seperti di atas, anak-anak itu mungkin mendapat pertolongan dari undang-undang lain. Mereka boleh memohon kepada Mahkamah di bawah Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) 1971 untuk "peruntukan yang munasabah sebagaimana yang dianggap patut oleh Mahkamah. . . dari harta pesaka bersih simati untuk nafkah mereka".²⁹ Akta ini dipakai untuk kedua-duanya kematian berwasiat atau tak berwasiat dan Mahkamah mempunyai kuasa untuk campur tangan jika waris tertentu kepada simati tidak mendapat "peruntukan yang munasabah bagi nafkahnya" dari harta pesaka itu. Anak-anak simati yang boleh memohon di bawah Akta ini ialah:³⁰

- (a) anak perempuan yang belum berkahwin, atau yang, oleh kerana kecacatan mental atau fizikal, tidak berupaya membiayai dirinya sendiri;
- (b) anak lelaki di bawah umur 21 tahun;
- (c) anak lelaki yang, oleh kerana kecacatan mental atau fizikal, tidak berupaya membiayai dirinya sendiri.

Biasanya Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) ini disalah anggapkan sebagai terpakai hanya di dalam kes-kes kematian berwasiat. Seksyen 3(1) Akta itu menerangkan dengan jelasnya bahawa ia dipakai baik dalam kes kematian berwasiat mahu pun dalam kes kematian tak berwasiat. Walau bagaimanapun di dalam 13 tahun terakhir ini, iaitu dalam masa Akta itu dikuatkuasakan, tidak terdapat satu laporan kes pun mengenai apa-apa permohonan yang telah dibuat ke Mahkamah samada di dalam kes berwasiat atau tak berwasiat.

Walaupun perundangan di atas adalah bertujuan baik, akan tetapi, ianya tidak memadai untuk menjaga kepentingan anak-anak jika seseorang suami menerima keseluruhan harta pesaka isterinya yang telah meninggal dunia. Adalah disyorkan yang Akta Pembahagian itu dipinda untuk memperuntukkan bahawa jika seorang wanita yang bersuami meninggal dunia tak berwasiat sisuami hanya mendapat satu pertiga dari harta pesakanya dan anak-anak atau zuriat simati menerima baki dua pertiga itu.

Sementara itu ibu-ibu yang bijak yang mendapati bahawa peruntukan yang ada kini adalah amat tak sesuai haruslah membuat satu wasiat yang menjamin kepentingan anak-anaknya.

(ii) tidak meninggalkan suami tetapi meninggalkan seorang anak atau anak-anak atau zuriatnya

Di dalam keadaan ini mengikut S. 6(1)(iii) anak atau anak-anak atau zuriat simati akan mewarisi keseluruhan harta pesakanya. Bahagian-

²⁹Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) 1971, seksyen 3.

³⁰*Ibid.*

bahagian mereka adalah diwarisi dalam bentuk amanah seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 7(1). Perkara ini akan dibincangkan di dalam makalah ini kemudian nanti.

(iii) tidak meninggalkan suami atau anak-anak

Dalam keadaan ini kedudukan simati adalah sama seperti seorang wanita yang tidak berkahwin, dan harta pesakanya akan dibahagikan sedemikian. Cara pembahagian harta pesaka wanita dan lelaki yang tidak berkahwin akan dibincangkan kemudian nanti.

Lelaki berkahwin meninggal dunia

(a) Meninggalkan seorang isteri dan anak atau zuriat

Mengikut seksyen 6(1)(ii) Akta Pembahagian 1958 jika seseorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri dan seorang anak atau anak-anak atau zuriat, maka isteri tersebut adalah berhak ke atas satu pertiga dari harta pesaka simati. Jika terdapat dua orang atau lebih isteri yang ditinggalkan maka satu pertiga harta pesaka itu akan dibahagikan samarata di antara isteri-isteri tersebut. Baki dua pertiga lagi itu dibahagikan mengikut cara yang ditentukan oleh seksyen 7(1) di antara anak-anak atau zuriat simati. Oleh itu, jika A meninggal dunia tak berwasiat dan meninggalkan dua orang isteri, B dan C, tiga orang anak, D, E dan F, maka isteri-isterinya B dan C akan menerima satu perenam ($\frac{1}{3} + 2$) seorang, dan D, E, dan F akan menerima $\frac{2}{9}$ ($\frac{2}{3} + 3$) tiap-tiap seorang dari harta pesaka itu.

Satu perkara penting yang harus diingat ialah jika seseorang lelaki meninggalkan seorang isteri dan zuriat (walaupun hanya satu zuriat sahaja), maka tiada orang-orang lain yang berhak kepada apa-apa bahagian daripada harta pesakanya. Oleh itu, jika X meninggal dunia dengan meninggalkan ibu dan bapanya M dan N isterinya Z dan seorang anak Y, maka ibu dan bapanya tidak akan mendapat apa-apa dari harta pesaka X. Seorang lelaki yang telah berkahwin dan mempunyai anak dan mahukan sebahagian dari harta pesakanya diberi kepada ibu dan bapanya haruslah membuat satu wasiat. Perlu ditegaskan bahawa di Malaysia ibu bapa seseorang itu tidak berhak memohon di bawah Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) 1971.³¹

(b) Meninggalkan seorang isteri atau isteri-isteri tetapi tiada zuriat

Sekiranya seseorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri atau isteri-isteri tetapi tiada mempunyai anak atau zuriat, maka isteri atau isteri-isteri tersebut mendapat hanya $\frac{1}{2}$ dari harta pesaka. Baki separuh lagi itu akan terserah kepada ibu bapa simati, atau jika hanya seorang dari mereka yang masih hidup, maka akan terserahlah kepada beliau. Jika ibu bapa simati sudah tiada, maka baki separuh lagi itu akan terserah kepada adik-beradik simati. Jika adik-beradik juga sudah tiada maka baki separuh itu akan terserah kepada datuk nenek simati. Jika

³¹ Sila lihat m.s. 186 kepada makalah ini.

mereka juga sudah tiada barulah baki separuh itu terserah kepada isteri atau isteri-isteri simati. Pendeknya, isteri hanya dapat menerima baki separuh itu jika simati tidak meninggalkan ibu bapa, adik-beradik dan datuk nenek. Di dalam Rang Undang-undang Pembahagian yang asal yang dibentangkan kepada Majlis Perundangan Persekutuan dalam tahun 1957, isteri simati tidak dapat menerima lebih dari $\frac{1}{2}$ dari harta pesaka jika simati telah meninggalkan mana-mana *waris kadim*. Oleh itu jika sisuami telah meninggalkan seorang datuk saudara (adik-beradik datuknya), maka beliau akan menerima baki separuh itu. Semasa di peringkat Jawatankuasa Khas, Rang Undang-undang itu telah dipinda untuk menghadkan waris kadim yang diutamakan dari isteri simati kepada hanya ibu bapa, adik-beradik dan datuk nenek.³²

Peruntukan di atas ini juga kerap dikritikan. Hujah-hujah yang dikemukakan ialah di mana simati telah meninggalkan isteri tetapi tiada anak atau zuriat, maka isteri itulah yang sepatutnya menerima keseluruhan harta pesaka simati. Dalam menimbang hujah ini patut diingatkan bahawa ibu bapa dan adik-beradik simati tidak layak untuk memohon nafkah di bawah Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) 1971³³ Cara yang wajar ialah bagi simati membuat wasiat selepas menimbang dengan teliti akan keperluan isterinya, ibu bapa dan kaum keluarga yang lain, dan membuat peruntukan yang sesuai mengikut keperluan mereka.

(c) Tidak meninggalkan isteri atau zuriat

Dalam kes ini harta pesakanya adalah dibahagikan sepertimana dianya seorang bujang, dan perkara ini akan dibincangkan kemudian kelak.

Seorang bujang atau wanita yang belum berkahwin meninggal dunia

Apabila seseorang bujang atau wanita yang belum berkahwin meninggal dunia tak berwasiat harta pesakanya adalah dibahagikan mengikut aturan dan cara berikut:

- (a) Pertamanya ibu bapa, jika masih hidup, menerima keseluruhan harta pesaka itu yang akan dibahagi samarata. Jika hanya mana-mana seseorang sahaja yang masih hidup, maka beliau akan menerima keseluruhan harta itu.
- (b) Keduanya, adik-beradik, jika ada, akan menerima harta itu yang akan dibahagikan samarata. Bahagian mereka diberi dalam bentuk amanah yang terdapat dalam seksyen 7(2). Oleh kerana amanah dalam seksyen 7(2) ini, seseorang adik-beradik yang meninggal dunia terdahulu dari simati tidak akan hilang hak ke atas bahagiannya daripada harta simati jika beliau meninggalkan zuriat. Zuriat kepada adik-beradik simati itu akan mewarisi bahagiannya

³²Sila lihat m.s. 183 kepada makalah ini.

³³*Op. cit.*, n. 31.

mengikut skim yang terdapat di dalam seksyen 7(2). Inilah caranya bagaimana seseorang anak saudara kepada simati dapat mewarisi harta simati atau sebahagian darinya. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam kemudian.

- (c) Ketiga, datuk nenek, jika mereka masih hidup, akan menerima keseluruhan harta itu yang akan dibahagi samarata. Jika hanya seorang dari mereka yang masih ada, maka beliau akan menerima keseluruhan harta pesaka itu.
- (d) Keempat, bapa saudara dan ibu saudara simati akan menerima harta itu dalam bentuk amanah yang terdapat dalam seksyen 7(2). Ini bermakna bapa saudara dan ibu saudara yang telah meninggal dunia terdahulu dari simati tidak hilang hak ke atas bahagian mereka jika mereka telah meninggalkan zuriat. Inilah caranya bagaimana seseorang sepupu boleh mewarisi harta simati atau sebahagian darinya. Perkara ini juga akan dibincangkan nanti.
- (e) Kelima, moyang dan moyanganda simati akan menerima harta itu yang akan dibahagi samarata. Jika hanya seorang dari mereka yang masih hidup maka beliau akan menerima keseluruhan harta itu.
- (f) Keenam, harta itu akan dibahagikan di antara datuk saudara dan nenek saudara di dalam bentuk amanah yang terdapat di dalam seksyen 7(2). Datuk dan nenek saudara adalah adik-beradik datuk dan nenek seseorang. Seperti yang akan ditunjukkan nanti, berdasarkan seksyen 7(2) sesuatu bahagian untuk datuk dan nenek saudara yang telah meninggal dunia terlebih dahulu dari simati akan dibahagikan kepada zuriatnya.
- (g) Akhir sekali, jika tiada sesiapa yang boleh menerima kepentingan sepenuhnya di bawah peruntukan di atas, maka harta pesaka itu menjadi *bona vacantia* dan akan terserah kepada kerajaan. Harta tanah akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri berkenaan.³⁴ Kerajaan Persekutuan pula berhak ke atas kesemua harta lain melainkan tanah.³⁵

Amanah yang berbangkit di bawah seksyen 7(1)

Telahpun dinyatakan di atas bahawa apabila seseorang lelaki yang berkahwin meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri dan seorang anak atau anak-anak, maka anak atau anak-anak itu mendapat dua pertiga dari hartanya. Di mana seseorang lelaki meninggalkan seorang anak atau anak-anak, tetapi tidak meninggalkan isteri maka anak atau anak-anak itu mendapat keseluruhan harta pesaka ayahnya. Sama juga keadaannya jika seseorang wanita meninggalkan seorang anak atau anak-anak tetapi tidak meninggalkan suami.

³⁴Kanun Tanah Negara 1965, seksyen 351.

³⁵Akta Pembahagian 1958, seksyen 6(v). Lihat juga Akta Undang-undang Sivil (Akta 67) (Disemak 1972), seksyen 24 dan m.s. 196 kepada makalah ini.

Amatlah penting diperhatikan bahawa bahagian untuk anak atau anak-anak adalah diwarisi dalam bentuk amanah yang terdapat dalam seksyen 7(1). Seksyen ini mempunyai dua kesan yang penting:

(a) Kepentingan anak adalah kontingen

Kepentingan seseorang anak ke atas harta pesaka adalah kontingen dan dipegang secara amanah untuknya sehingga beliau mencapai umur 18 tahun atau berkahwin di bawah umur tersebut.³⁶ Anggapkan yang A telah meninggal dunia dan meninggalkan anak lelakinya, B (berumur 19 tahun), dan anak perempuannya C, (berumur 16 tahun). Mereka berdua ini sahajalah warisnya. Di dalam kes ini B yang telahpun mencapai umur 18 tahun akan mendapat bahagiannya terus, tetapi bahagian C adalah kontingen sehinggalah beliau mencapai umur 18 tahun ataupun beliau berkahwin di bawah umur tersebut. Di sini penting dinyatakan bahawa walaupun C mendapat satu kepentingan yang kontingen, undang-undang membenarkan kegunaan wang dari harta itu untuk nafkahnya.

Seksyen 7(3) memperuntukkan dengan jelas bahawa jika seseorang anak yang belum berkahwin yang mendapat kepentingan kontingen meninggal dunia sebelum berumur 18 tahun, maka bahagiannya akan dibahagikan kepada anak-anak lain yang tinggal, samalah seperti anak yang meninggal dunia itu tidak pernah ada.

(b) Anak atau anak-anak yang mati terlebih dahulu

Kaedah am ialah seseorang waris yang mati terlebih dahulu dari simati tidak mendapat apa-apa bahagian dari harta pesaka simati. Walau bagaimanapun, kesan kedua kepada seksyen 7(1) adalah bahawa seseorang anak yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada ibu bapanya tidak akan hilang bahagiannya jika anak tersebut telah meninggalkan "issue" atau zuriat. Bahagian anak yang telah mati terlebih dahulu itu adalah dibahagikan di antara zuriatnya. Zuriat itu mestilah masih hidup semasa kematian ibu bapa anak yang telah mati terlebih dahulu itu. Di atas tadi telahpun dinyatakan bahawa istilah "issue" atau zuriat di maksudkan anak-anak, atau cucu dan keturunan mereka. Seksyen 7(1) memperuntukkan, di antara lain, bahawa zuriat kepada seorang anak yang telah mati terlebih dahulu boleh "menerima bahagian yang ibu bapa mereka (iaitu ibu bapa zuriat itu) harus menerima jika mereka masih hidup semasa kematian simati tak berwasiat, melalui kesemua peringkat mengikut stoknya, dan jika ter-

³⁶Dalam konteks ini rujukan perlu dibuat kepada seksyen 10 Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 yang memperuntukkan:


"Mana-mana perkahwinan yang dikatakan telah resmikan di Malaysia hendaklah menjadi batal jika di tarikh perkahwinan itu mana-mana pihak adalah di bawah umur lapan-belas tahun, melainkan, untuk seorang perempuan yang telah ke akhir umur enam belas tahunnya peresmian perkahwinan sedemikian itu telah diberi kuasa oleh satu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah seksyen 21(2)."

Perkataan Ketua Menteri termasuk juga Menteri Besar dan Menteri Wilayah Persekutuan (sila lihat seksyen 2 Akta yang berkenaan).

dapat lebih dari seorang maka bahagian itu akan dibahagikan samarata, dan tiada zuriat yang boleh menerima jika ibu bapanya masih hidup semasa kematian simati tak berwasiat dan dengan itu masih berupaya untuk menerima.³⁷ Beberapa contoh diberi di bawah ini supaya keadaan yang rumit ini senang difahami.

Contoh 1

A telah meninggal dunia tak berwasiat dalam tahun 1984 dengan meninggalkan seorang balu, B dan seorang anak perempuan C. D, anak lelaki tunggal kepada A telah meninggal dunia dalam tahun 1983.




Di dalam contoh ini B sebagai balu A akan mewarisi $\frac{1}{3}$ dari harta pesaka A. Baki $\frac{2}{3}$ lagi akan terserah kepada C sebagai anak yang ditinggalkan melainkan D telah meninggalkan zuriat dan zuriatnya itu masih hidup semasa kematian A. Oleh itu, jika D meninggalkan seorang anak atau anak-anak, atau cucu atau cucu-cucu atau zuriat mereka, maka bahagian D yang $\frac{1}{3}$ dari harta pesaka A itu akan terselamat. Anggapkan yang D telah meninggalkan tiga orang anak, E, F dan G, dan juga cucu-cucunya, H dan J, anak-anak kepada E. Dalam kes ini E, F dan G akan mewarisi bahagian D yang $\frac{1}{3}$ itu dengan samarata. H, dan J, walaupun zuriat D tidak akan mendapat apa-apa bahagian kerana "tiada zuriat yang boleh menerima jika ibu bapanya masih hidup semasa kematian simati tak berwasiat dan dengan itu masih berupaya menerima."

Contoh 2

K telah meninggal dunia tak berwasiat dalam tahun 1984 dengan meninggalkan seorang balu J dan seorang anak lelaki L. M, anak perempuan K telah meninggal dunia dalam tahun 1983. M telah meninggalkan suaminya N dan anaknya P. Q, anak perempuan M juga telah meninggal

³⁷Peruntukan ini adalah berasaskan kepada seksyen 47(1) kepada Administration of Estates Act 1925 (Inggeris).

dunia dalam tahun 1982 dan meninggalkan seorang anak R. Nilai bersih pesaka K ialah \$120,000.



Di dalam contoh di atas ini J akan menerima $\frac{1}{3}$ dari harta pesaka K ataupun \$40,000. Bagi \$80,000 lagi itu akan dibahagikan samarata di antara L dan M. Bahagian M tidak hilang di sini kerana beliau telah meninggalkan zuriatnya, anaknya P, yang masih hidup semasa kematian K. Bahagian M yang \$40,000 itu akan dibahagikan samarata di antara anak-anaknya P dan Q. Q juga tidak kehilangan bahagiannya oleh kerana beliau telah meninggalkan zuriat, anaknya R. N, duda kepada M tidak akan menerima apa-apa dari bahagian M kerana N bukanlah zuriat M. Bahagian Q, yang \$20,000 akan terserah kepada R, zuriatnya. Dalam contoh di atas ini, seorang anak, seorang cucu dan seorang cicit telah mewarisi harta pesaka simati tak berwasiat. Jika sesiapa di antara mereka berumur kurang dari 18 tahun maka kepentingannya adalah kontingen dan bahagiannya akan dipegang secara amanah sehingga ianya mencapai umur dewasa.


Amanah yang tercatat di dalam seksyen 7(2)

Telahpun disebutkan di atas bahawa golongan-golongan keluarga yang tertentu, iaitu adik-beradik, bapa dan ibu saudara dan datuk dan nenek saudara menerima bahagian mereka di dalam bentuk amanah yang tercatat di dalam seksyen 7(2). Kesan kedua-dua subseksyen (1) dan (2) kepada seksyen 7 ini adalah sama dan prinsip yang dinyatakan bagi kes anak-anak adalah juga terpakai kepada adik-beradik, bapa dan ibu saudara dan datuk dan nenek saudara. Seksyen 7(2) berbunyi:

“Di mana di bawah peruntukan seksyen 6 harta pesaka simati tak berwasiat atau mana-mana bahagian darinya adalah diarahkan agar dipegang mengikut amanah yang tercatat dalam seksyen ini bagi mana-mana klas saudara simati selain dari zuriat simati tak berwasiat, maka ianya hendaklah dipegang di atas amanah yang sama dengan amanah untuk zuriat simati tak berwasiat yang tercatat di dalam seksyen kecil (1) kepada seksyen ini, samalah seperti amanah sedemikian itu diulang dengan mengganti rujukan-rujukan kepada anak-anak atau anak-anak simati tak berwasiat dengan rujukan-rujukan kepada ahli atau ahli-ahli klas itu”.

Di sini kesan kepada seksyen 7(2) perlu dikaji dengan mendalam. Pertamanya, di mana adik-beradik, bapa dan ibu saudara atau datuk dan nenek saudara kepada simati tak berwasiat adalah berhak kepada sebahagian dari harta pesaka simati itu, maka tiada sesiapa dari mana-mana kumpulan yang disebut itu boleh mendapat kepentingan yang terletaklah sehingga mereka mencapai umur lapan belas tahun atau berkahwin sebelum dari itu. Jika mana-mana seorang dari sesuatu kumpulan itu meninggal dunia sebelum mendapat kepentingan yang terletaklah maka bahagiannya akan dibahagikan di antara ahli-ahli kumpulan itu. Anggapkan yang A telah meninggal dunia dan beliau telah meninggalkan dua orang adik-beradik lelaki B (berumur 20 tahun), C (berumur 18 tahun) dan seorang adik perempuan D (berumur 15 tahun). B dan C akan menerima kepentingan terletaklah serta-merta tetapi D terpaksa menunggu sehingga beliau mencapai umur 18 tahun atau berkahwin sebelum dari itu. Jika beliau meninggal dunia sebelum dari itu maka bahagiannya akan dibahagikan di antara B dan C.

Keduanya, sama juga seperti kes anak-anak di atas, kaedah bahawa seseorang waris yang mati terlebih dahulu dari siamti tak berwasiat akan hilang bahagiannya tidak terpakai kepada seorang ahli dari klas tersebut di atas jika beliau telah meninggalkan zuriat yang masih hidup semasa kematian simati tak berwasiat. Zuriat itu akan mewarisi bahagian ahli klas yang telah mati itu. Anggapkan bahawa K, seorang bujang telah meninggal dunia dalam tahun 1982 dan tidak meninggalkan mana-mana saudara karib melainkan tiga orang bapa saudara, M, N dan P, yang semuanya sudah dewasa. Seorang bapa saudara lagi Q telah meninggal dunia dalam tahun 1981 dan telah meninggalkan seorang isteri T, dan dua orang anak R dan S. Harta pesaka K bernilai \$200,000.



M, N, P dan Q akan tiap-tiap seorang mewarisi bahagian yang sama, iaitu $\frac{1}{4}$ atau \$50,000. Bahagian Q tidak akan luput walaupun beliau telah mati terlebih dahulu dari K oleh kerana beliau telah meninggalkan zuriatnya. Bahagian Q akan terserah kepada zuriatnya, anak-anaknya R dan S, yang akan menerima, tiap-tiap seorang $\frac{1}{2}$ dari bahagian Q, iaitu \$25,000 seorang. T, isteri Q tidak berhak ke atas mana-mana bahagian oleh kerana beliau bukanlah zuriat Q. Dalam contoh ini R dan S adalah sepupu kepada K. Perlu diperhatikan bahawa Akta Pembahagian tidak merujuk langsung kepada sepupu di dalam seksyen 6nya. Ini tidak perlu dilakukan oleh kerana

konsep amanah seperti yang tercatat di dalam seksyen 7(2) telah dengan cara tersirat meliputi sepupu dan keadaan dengan mana mereka berhak mendapat bahagian. Tetapi perlu dinyatakan di sini, bahawa seseorang sepupu tidak boleh mewarisi harta jika beliau adalah zuriat kepada seorang bapa atau ibu saudara yang masih hidup semasa kematian simati, kerana dalam kes sedemikian bahagian itu akan terserah kepada ibu atau bapa saudara tersebut. Kedudukan ini juga adalah sama bagi kes anak-anak saudara, yang juga tidak disebutkan di dalam Akta. Mereka hanya berhak jika mereka adalah zuriat kepada adik-beradik yang telah mati terlebih dahulu dari simati tak berwasiat. Anggapkan yang W telah meninggal dunia dan meninggalkan dua orang adik-beradiknya X dan Y sebagai warisnya. Seorang lagi adik-beradik W, iaitu V telah mati terlebih dahulu dan telah meninggalkan seorang anak perempuan Z. Dalam keadaan sedemikian Z, anak saudara W akan mewarisi bahagian V.

Commorientes

Anggapkan yang B adalah bapa kepada D, seorang bujang. Jika D meninggal dunia tak berwasiat, lazimnya B akan mewarisi separuh dari harta pesaka D. Akan tetapi jika B telah mati terlebih dahulu dari D maka pentadbir B tidak boleh menuntut bahagian B dari harta D itu. Kaedah biasanya ialah seseorang waris yang telah meninggal terlebih dahulu dari simati tak berwasiat akan hilang bahagiannya.³⁸ Oleh itu, jika B meninggal dunia pada pukul 10.30 pagi dan D pula meninggal pada pukul 10.31 pagi di hari yang sama, maka B tidaklah mendapat bahagiannya dari harta D oleh kerana beliau telah meninggal terlebih dahulu dari D. Dari contoh di atas jelaslah bahawa pengetahuan tentang siapa yang mati terlebih dahulu adalah amat penting apabila dua orang atau lebih yang mati itu adalah waris masing-masing, dan satu akan mewarisi harta yang satu lagi.

Boleh dikatakan di dalam kesemua kes tidaklah susah dipastikan siapa di antara dua orang yang telah mati dahulu, tetapi sesekali timbul pula keadaan di mana tidak dapat dipastikan siapa yang telah mati dahulu. Contoh-contoh biasa adalah di dalam kes mereka yang meninggal dunia apabila sesebuah kapal telah karam, kapal terbang terhempas dan kemalangan kereta. Di sisi Common Law sehinggalah tahun 1925 tidak terdapat cara menyelesaikan soalan ini jika tidak ada bukti-bukti tentang siapakah yang telah mati dahulu. Law of Property Act 1925 menyelesaikan masalah ini di England dengan memperuntukkan bahawa jika tidak dapat ditentukan siapakah yang mati dahulu, maka untuk kesemua maksud yang melibatkan hakmilik ke atas harta, orang yang tertua hendaklah dianggap telah mati terlebih dahulu dari yang termuda, tertakluk kepada mana-mana perintah mahkamah. Common Law dan bukan Law of Property Act 1925 yang dipakai di Malaysia sehingga 1950. Pada tahun itu peruntukan-

³⁸Melaikan amanah yang berbangkit di bawah S. 7(1) atau 7(2). Lihat m.s. 189-192 kepada makalah ini.

dalam Law of Property Act di atas itu diterima di negeri ini melalui seksyen 2 kepada Presumption of Survivorship Act 1950.

Tidak perlu disebutkan bahawa Akta tersebut di atas hanya dipakai dalam konteks perwarisan sekiranya ujud pertikaian tentang siapa yang mati dahulu. Ianya juga tidak terpakai kepada simati tak berwasiat jika suami atau isteri beliau telah meninggal dunia dalam keadaan yang tidak menentukan siapa di antara mereka yang telah mati dahulu. Seksyen 6(3) kepada Akta Pembahagian berbunyi:

“Apabila simati tak berwasiat dan suami atau isteri simati tak berwasiat itu telah meninggal dunia di dalam keadaan yang tidak menentukan siapakah di antara mereka yang mati dahulu, maka seksyen ini hendaklah, tanpa dikira mana-mana kaedah undang-undang yang bertentangan, mempunyai kesan ke atas simati tak berwasiat itu samalah seperti suami atau isterinya itu telah mati terlebih dahulu dari simati tak berwasiat.”

Peruntukan ini adalah untuk mengelak pembayaran duti pesaka dua kali.³⁹ Ianya hanya terpakai di mana suami dan isteri telah meninggal dunia “di dalam keadaan yang tidak menentukan siapakah di antara mereka yang mati dahulu.” Dalam keadaan itu harta seseorang simati itu akan diuruskan sama seperti seorang lagi itu (suami atau isterinya) telah mati terlebih dahulu. Anggapkan yang B adalah isteri kepada A dan mereka mempunyai tiga orang anak C, D dan E. A dan B telah meninggal dunia di dalam satu kemalangan jalanraya dan tidak dapat ditentukan siapakah di antara mereka yang telah mati dahulu. Harta A hendaklah dibahagikan sepertimana B telah meninggal dunia dahulu, dan dengan itu B tidak mendapat satu pertiga bahagiannya. Harta pesaka A dengan itu akan di bahagikan samarata di antara C, D dan E. Harta pesaka B juga akan dibahagikan sedemikian.

Pemberian pendahuluan *inter vivos* kepada anak-anak

Di bawah undang-undang Inggeris mana-mana anak yang telah menerima pemberian pendahuluan *inter vivos* dari simati akan dikurangkan bahagiannya mengikut jumlah yang telah diterimanya.⁴⁰ Pemikiran di sebalik kaedah ini ialah bahawa ibubapa adalah dianggap menyayangi anak-anaknya samarata. Akta Pembahagian tidak menerima kaedah Inggeris ini. Seksyen 9 Akta itu dengan nyata memperuntukkan bahawa pemberian pendahuluan kepada anak-anak adalah tidak diambil kira.

Perhubungan taksaharaf

Pada prinsip am hanya seorang anak sahtaraf kepada seseorang simati yang mempunyai hak untuk mewarisi hartanya. Akta itu menyatakan

³⁹Unsur duti ini telah dibincangkan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembahagian di Majlis Perundangan Persekutuan. Lihat *Proceedings of the Federal Council*, 17hb Mac 1958, m.s. 4416.

⁴⁰Sila lihat A.R. Mellows, *The Law of Succession*, Ed. 4 (1983) m.s. 158.

bahawa sebutan "anak" itu adalah dimaksudkan seseorang anak sahtaraf atau seseorang anak yang diangkat di bawah Akta Pengangkatan Anak 1952. Perhubungan-perhubungan lain tidak pula dirujuk di dalam Akta itu. Tetapi haruslah dianggapkan (tertakluk kepada seksyen 7 Akta Keesahan 1961) bahawa kesemua perhubungan taksahataraf adalah menjadi satu sekatan kepada perwarisan. Jika seseorang itu meninggal dunia dan meninggalkan waris yang sahtaraf dan taksahataraf, maka waris yang sahtaraf itu akan menerima keseluruhan harta pesaka itu. Jika kesemua waris kepada seseorang simati itu adalah taksahataraf, maka harta pesaknya menjadi *bona vacantia*. Walau bagaimana pun di bawah seksyen 11 Akta Keesahan 1961 seseorang anak taksahataraf boleh mewarisi dari harta pesaka ibunya jika ibu tersebut meninggal dunia tak berwasiat tanpa meninggalkan zuriat sahtaraf yang hidup. Melalui seksyen yang sama itu ibu kepada seorang anak taksahataraf yang telah meninggal dunia adalah berhak mewarisi dari harta pesaka anak itu.

Di sini tepat sekali bagi kita merujuk kepada seksyen 24 Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang memperuntukkan:

"Apabila sesuatu hak ke atas harta boleh alih kepunyaan seseorang yang telah meninggal dunia tak berwasiat tanpa meninggalkan waris kadim telah diperolehi oleh kerajaan, maka harta boleh alih itu atau hasil darinya hendaklah menjadi sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan dan hendaklah diasingkan sebagai sebahagian dari Kumpulan Wang itu bagi tujuan-tujuan awam sebagaimana yang, dari masa ke semasa, dianggap patut dan diarahkan oleh Yang DiPertuan Agong. Melainkan, Yang DiPertuan Agong boleh melalui waran memerintah agar keseluruhan atau sebahagian dari harta boleh alih sedemikian itu atau hasil darinya dipindahkan kepada mana-mana orang atau orang-orang yang hendaklah membuktikan apa-apa tuntutan di segi ekuiti atau moral ke atasnya sehingga memuaskan Yang DiPertuan Agong.

Haruslah diperhatikan dahulu bahawa peruntukan ini adalah terhad iaitu ianya hanya merujuk kepada "harta boleh alih" seseorang simati yang meninggal dunia tanpa meninggalkan waris kadim dan telah diperolehi oleh kerajaan sebagai *bona vacantia*. Keduanya, sesiapa sahaja boleh mendapat pertolongan dari proviso kepada seksyen 24 ini. Ianya termasuk, tetapi tidak terhad kepada, anak-anak taksahataraf. Keperluannya hanya bahawa seseorang itu mestilah dapat membuktikan sehingga memuaskan Yang DiPertuan Agong akan tuntutananya di segi ekuiti atau moral.

Penutup

Satu percubaan telah dibuat di dalam makalah ini untuk membincangkan peruntukan-peruntukan yang penting di dalam Akta Pembahagian 1958.

Akta ini telah menjadi sasaran kepada beberapa banyak kritik dan tidaklah dapat ditidakkkan bahawa beberapa dari peruntutannya perlu ditimbang semula. Seksyen 6(1)(i) yang memberi kesemua harta seorang wanita yang telah meninggal dunia kepada suaminya adalah tidak sesuai untuk zaman moden ini, terutama sekali jika beliau telah meninggalkan anak-anak dan ibu-bapa yang menjadi tanggungannya. Bahagian yang

ditetapkan untuk seorang balu kepada simati juga perlu dikaji semula dan diberi pertimbangan lanjut. Walaupun Majlis Perundangan Persekutuan telah cuba memodenkan undang-undang di dalam tahun 1957, akan tetapi Akta Pembahagian terus membayangkan konsep silam seperti yang terdapat di dalam Statut Pembahagian Inggeris yang usang itu. Satu kajian untuk memastikan sama statut itu sesuai untuk zaman moden ini sepatutnya telah dijalankan bertahun-tahun dahulu.

Penggubal undang-undang tidak akan berjaya mewujudkan satu skim pembahagian harta yang sempurna yang akan menjamin keadilan di dalam tiap-tiap keadaan. Mana-mana skim am yang diwujudkan untuk kesemua kematian tak berwasiat boleh, walaupun jarang sekali, mengakibatkan ketidakadilan di dalam kes-kes tertentu. Undang-undang tidak harus sentiasa disalahkan kerana kekurangan-kekurangan sedemikian. Kesalahannya, jika ada, patutlah diletakkan ke atas simati. Tiap-tiap orang dewasa yang waras mempunyai hak membuat satu wasiat dan, tertakluk kepada had, membuat skim pembahagian hartanya sendiri. Sebagai tambahan kepada kuasa pilihan ini, perwarisan berwasiat juga mendapat beberapa manfaat dalam konteks acara sivil. Manfaat ini tidak diberi kepada sesuatu kematian tak berwasiat. Hak yang diberi oleh undang-undang kepada seseorang untuk membuat satu wasiat adalah satu keistimewaan yang harus digunakan.

P. Balan dan Rafiah Salim*

*Kakitangan Akademik,
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Malaya

